

14 APR 1997

Mahathir-MSK

PM HURAIKAN MSC MELALUI SIDANG VIDEO TERBESAR

KUALA LUMPUR, 14 April (Bernama) -- Dalam sidang video yang terbesar pernah diadakan di negara ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan menghuraikan kepada lebih 13,000 peserta tentang Koridor Raya Multimedia (MSC) esok.

Persidangan video yang menjangkau ke seluruh negara itu akan disertai Menteri Besar, Ketua Menteri, pegawai kanan kerajaan, guru, ibu bapa dan pelajar.

Ia akan menghubungkan 28 lokasi dari Kangar ke Tawau, kata seorang pegawai di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hari ini.

Lima belas daripada lokasi itu akan bercorak interaktif yang membolehkan peserta mengajukan soalan kepada Dr Mahathir. Mereka yang berada di 13 lokasi lagi akan dapat mengikuti serentak sesi selama sejam itu.

Dr Mahathir akan bercakap dari bilik persidangan JPM. Beliau dijangka memberi taklimat mengenai MSC selama 30 minit sebelum menjawab soalan yang dikemukakan.

Ini kali pertama Perdana Menteri mengadakan dialog yang meliputi seluruh negara menggunakan kemudahan multimedia. Dr Mahathir akan menghuraikan konsep MSC, tujuannya dan masa depannya.

Sidang video itu diatur oleh Telekom Malaysia Bhd.

Sepuluh daripada lokasi itu di Selangor, empat di Sarawak, dua di Sabah manakala satu masing-masing di negeri-negeri lain.

Di Selangor, sidang video itu akan diadakan di Dewan Jubli Perak di Shah Alam dan majlis-majlis daerah di Klang, Subang Jaya, Gombak, Kuala Kubu Bharu, Bangi, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Banting dan Sepang (interaktif).

Selangor akan diwakili oleh sama ada Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Onn Ismail atau Setiausaha Kerajaan Negeri Haji Hashim Meon kerana Tan Sri Muhammad Haji Muhd Taib telah meletakkan jawatan Menteri Besar.

Empat lokasi di Sarawak ialah Dewan Suarrah (interaktif), ITM Kuching, Pusat Sivik Sibu dan Pusat Sivik Miri.

Di Sabah, sidang video itu akan diadakan di Wisma MUIS di Kota Kinabalu (interaktif) dan perpustakaan Tawau.

Lokasi selebihnya, yang bercorak interaktif semuanya, ialah JPM, Wisma Negeri (Alor Setar), Royal Casuarina Hotel (Ipoh), Kompleks Islam (Johor Baharu), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Kota Bharu), Dewan Besar Warisan (Kangar), Kompleks Belia Mahkota (Kuantan), Wisma Darul Iman (Kuala Terengganu), Ujana Kewangan Labuan, Ramada Renaissance Hotel (Melaka), Equatorial Hotel (Pulau Pinang), Majlis Perbandaran Seremban.

MSC yang meliputi kawasan 15km kali 50km ke selatan Kuala Lumpur itu dijangka menjadi pusat multimedia antarabangsa yang akan membawa Malaysia ke arah matlamat menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Dr Mahathir telah giat mempromosikan MSC di Jepun dan Amerika Syarikat dan memperolehi sokongan syarikat-syarikat perkakasan dan perisian komputer yang terkemuka termasuk Microsoft yang akan menempatkan ibu pejabat serantaunya di sini. -- BERNAMA

TCL NMO